

PM gesa negara

LUM 18 AUG 2003
Daripada HAMZAH SIDIK

DAMSYEK 17 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara Islam supaya bersatu kerana sebilangan mereka sedang diancam atau menjadi sasaran 'perubahan rejim' oleh kuasa Barat.

"Kita tidak boleh lagi berpecah jika kita tidak mahu jatuh ke tangan mereka satu demi satu.

"Peristiwa 11 September 2001 yang mencestuskan perang ke atas terrorisme, disusuli penaklukan Afghanistan dan Iraq hendaklah menjadi kejutan bangun tidur yang nyaring bagi kita umat Islam," katanya tanpa menyebut nama negara-negara yang menjadi sasaran 'perubahan rejim' itu.

Bagaimanapun, Syria yang dikunjungi Dr. Mahathir telah diketahui umum sebagai salah sebuah negara yang menjadi sasaran 'perubahan rejim' kerana dituduh cuba memban-

tu rejim Saddam Hussein semasa penaklukan Iraq dan berpendirian keras terhadap Amerika Syarikat.

Berucap pada majlis makan malam merai-kannya yang diberikan oleh Presiden Syria Dr. Bashar Al-Assad di sini, Perdana Menteri menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh negara-negara Islam supaya tidak mudah menjadi sasaran penaklukan dan penjajahan semula kuasa Barat.

Katanya, umat Islam mestilah menguasai maklumat, ilmu pengetahuan dan teknologi, serta berupaya menandingi kemajuan dunia Barat.

"Malaysia amat yakin bahawa dengan kekayaan wang dan sumber-sumber asli yang kita miliki, negara-negara Islam akan menjadi kuat jika kita dapat mentadbirkan negara kita dengan baik," tegasnya.

Jika tidak, menurut beliau, negara-negara Islam akan ditakluki dengan mudah atas alasan melindungi penganas atau semata-mata

kerana disyaki memiliki senjata pemusnahan besar.

"Sungguh malang pada zaman kuasa tunggal (unipolar) sekarang wujud penggunaan undang-undang rimba di mana yang kuat adalah betul dan menggunakan kekuatannya untuk meneyesahkan pertikaian antarabangsa.

"Negara-negara yang lemah dan kurang maju, banyak di antaranya negara-negara Islam, akan mudah menjadi sasaran penaklukan dan penjajahan," katanya.

Menyentuh pergolakan di Timur Tengah yang berpunca daripada konflik Palestin-Israel, Dr. Mahathir menegaskan bahawa keamanan tidak akan dapat diwujudkan sepenuhnya di rantau itu selagi proses perdamaian tidak melibatkan Syria dan Lebanon.

Sehubungan dengan itu, katanya, Malaysia menyokong dan menyeru supaya Bukit Golan (di Syria) dan Ladang Sheba (di Lebanon) dimasukkan dalam peta jalan persempadanan

Islam bersatu

dengan Israel yang dianjurkan oleh Amerika Syarikat bagi mengelakkan konflik senjata yang berterusan.

Beliau juga berpendapat, langkah mengadakan peta jalan itu akan lebih berkesan jika Iraq tidak ditakluki kerana penaklukan negara itu telah mewujudkan gerakan gerila yang menjadi masalah baru selain konflik Palestin.

Dr. Mahathir juga melahirkan keagumannya terhadap Syria yang pernah melakarkan sejarah sebagai pusat ketamadunan Islam bermula dari zaman pemerintahan para sahabat Rasulullah s.a.w.

Damsyik kemudian menjadi pusat pentadbiran kerajaan Bani Umayyah (661 hingga 750 Masehi) yang meliputi selatan Perancis dan Sepanyol, Lembah Indus di India hingga ke kawasan barat China.

Kota lama ini juga pernah menjadi pusat pengajian terkemuka yang melahirkan ramai sarjana Islam ternama seperti Ibnu Khatir dan Imam Al Nawawi. Para panglima Islam

yang terkenal seperti Khalid ibnu Walid dan Salahuddin Al Ayubbi yang berjihad mempertahankan dan mengembangkan Islam juga berpangkalan di Damsyik.

"Begitulah umat Islam pada zaman keagungan yang bersejarah dulu, malangnya keadaan umat Islam pada hari ini tidak lagi seperti mereka," kata Dr. Mahathir.

Antara kesan zaman kegemilangan Islam di Damsyik yang masih kekal untuk tatapan generasi kini ialah Masjid Ummayyah yang dibina di atas tapak rumah ibadat yang dipercayai salah sebuah yang tertua di dunia.

Pada alaf pertama sebelum masehi, tapak masjid itu merupakan rumah ibadat orang Greek, kemudian bertukar menjadi gereja pada zaman empayar Rom dan seterusnya Khalid Ibnu Walid pula membina sebuah masjid di situ selepas menawan Damsyik pada 635 Masehi.

Dr. Mahathir dan rombongannya dijadualkan melawat masjid tersebut esok. — *Utusan*